

Nasr Hamid Abu Zaid Dan Metode Hermeneutiknya Terhadap Al-Quran: Suatu Tinjauan

*[Nasr Hamid Abu Zaid and His Hermeneutical Method toward
the Qur'an: A Review]*

Wazi Othman

¹ Faculty of Usuluddin and Al-Quran & Sunnah Studies, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730 Kota Bharu, MALAYSIA. E-mail: wazi@kias.edu.my

ABSTRACT

Nasr Hamid Abu Zaid is a contemporary Islamic thinker widely known for his critical and hermeneutical approach to the Qur'an. He emphasizes that the Qur'an should not be understood merely as a static sacred text, but also as a product of interaction between divine revelation and the socio-cultural reality of human society. Through linguistic and historical approaches, Abu Zaid opens space for contextual interpretations that are relevant to the changing conditions of time. His ideas have generated considerable controversy within the Muslim world, as they are perceived to be in conflict with traditional theological understandings in Islam. Nevertheless, Abu Zaid's thought has contributed significantly to the development of modern Islamic studies, particularly among modernist and pluralist circles, by promoting intellectual freedom, plurality of interpretation, and dialogue between religious texts and contemporary social realities. However, the implications of his methodological approach and writings on the Qur'an have also spread widely and have caused confusion among segments of the Muslim community, to the extent that such works should not be read indiscriminately by the general public.

Keywords: Nasr Hamid Abu Zaid, Hermeneutics, Qur'anic Interpretation, Contemporary Islamic Thought

ABSTRAK

Nasr Hamid Abu Zaid merupakan seorang pemikir Islam kontemporari yang terkenal melalui pendekatan kritis dan hermeneutiknya terhadap al-Qur'an. Beliau menekankan bahwa al-Qur'an bukan hanya difahami sebagai teks suci yang bersifat statik sahaja, tetapi juga sebagai produk interaksi antara wahyu dan realiti sosial budaya manusia. Melalui pendekatan linguistik dan histori, Abu Zaid berupaya membuka ruang pentafsiran yang kontekstual dan relevan dengan perkembangan zaman. Gagasan ideanya ini menjadi kontroversi di dunia Islam, kerana dianggap bertentangan dengan pemahaman teologi tradisional dalam ajaran Islam. Namun demikian, pemikiran Abu Zaid memberikan sumbangan penting dalam potensi kajian

penyelidikan Islam moden khususnya golongan modenis dan pluralis dalam mendorong kebebasan berfikir, pluraliti pentafsiran, dan dialog antara teks agama dengan realiti sosial semasa. Implikasinya metodee pemikiran dan tulisannya terhadap al-Quran telah tersebar dan menimbulkan kekeliruan dikalangan umat Islam yang tidak sepatutnya dibaca oleh masyarakat.

Kata Kunci: Nasr Hamid Abu Zayd, Hermeneutika, Penafsiran Al-Qur'an, Pemikiran Islam Kontemporari

How to Cite:

Received: 15-12-2025

Accepted: 21-12-2025

Published: 23-12-2025

Othman, W. (2025). Nasr Hamid Abu Zaid Dan Metode Hermeneutiknya Terhadap Al-Quran: Suatu Tinjauan. *FURQANICA Journal of Usuluddin and Al-Quran & Sunnah (JFUQS)*, 1(1), 77–88.

1. Pendahuluan

Ramai di kalangan manusia tertidur tetapi tidak mengakui dirinya tertidur, begitu juga ramai di kalangan manusia khususnya umat Islam yang jahil terhadap Islam tetapi tidak mengakui akan kejahilannya. Hal ini terjadi kemungkinan akibat daripada Allah Taala telah mengunci hati, pendengaran dan penglihatan mereka terhadap kebenaran al-Quran. Mereka mengakui kebenaran al-Quran tetapi tidak mahu mengikutinya kerana dibayangi dan dihalangi oleh hawa nafsu mereka yang sangat menebal sehingga cahaya ketundukan kepada Allah Taala terhalang dari menyinari hati mereka. Ilmu hanya sebagai alat hiasan dan kebanggaan dalam mencari populariti dan pujian masyarakat yang bersifat sementara.

Realiti sedemikian merupakan petaka buat kehidupan manusia khususnya umat Islam serta kesucian syariatnya. Islam memang memberi kebebasan kepada manusia untuk bercakap, berbuat dan bertindak tanpa terikat kepada sesiapa. Namun jika sebarang tindakan yang dilakukan boleh menggugat keharmonian dan menyentuh isu-isu akidah dengan menghina dan memperlekeh ilmuam agung Islam dan juga menghina al-Quran dan hadis nabi, maka tindakan ini bukan lagi termasuk dalam kebebasan hak individu yang harus dihormati tetapi terserlahlah kezaliman dan pembohongan yang wajib ditegah secara bersama apalagi jika idea-idea disebarkan kepada masyarakat. Atas tanggungjawab ini maka tulisan ini diketengahkan kepada khalayak agar kita dapat sama-sama membasmikan sebarang ideologi yang secara nyata bertentangan dengan kesucian agama Islam.

2. Riwayat Hidup

Nasr Hamid dilahirkan pada 10 Julai 1943 di Tanta, Mesir. Beliau memulakan pendidikan awal pada tahun 1951 di Madrasah Ibtida'iyah dan berjaya menghafal al-Quran seawal usia lapan tahun. Kemudian pada

peringkat menengah beliau dihantar oleh bapanya ke sekolah jurusan klinologi agar dapat bekerja lebih awal, walaupun pada dasarnya Abu Hamid ingin melanjutkan pengajiannya di peringkat menengah di sekolah umum. Setelah tamat pengajian menengahnya beliau bekerja sebagai juruteknik di pejabat perhubungan. Namun di hatinya tetap ingin mendapat pendidikan di sekolah umum jika berpeluang (Nasr Hamid Abu Zaid, 2003).

Pada tahun 1968 beliau melanjutkan pengajian di Fakulti Adab, Jurusan Bahasa Arab di Universiti Kaherah dan mendapat kelulusan cemerlang pada tahun 1972, seterusnya melayakkan dirinya untuk menjadi pensyarah kontrak di universiti tersebut. Di samping itu juga beliau agak aktif dalam gerakan Ikhwan Muslimin di kampungnya yang merupakan cawangan terbesar di Mesir. Hubungan beliau dengan Ikhwan semakin akrab setelah Hasan Hudhaibi, Gabenor al-Gharbiah dilantik sebagai penasihat umum telah berkunjung ke markas Ikhwan untuk merasmikan muktamar organisasi itu di Kelab Olahraga Tanta yang melibatkan semua cawangan di negeri al-Gharbiyah (Nasr Hamid Abu Zaid, 2003).

Walaupun hubungannya dengan Ikhwan muslimin sangat akrab, hakikatnya suatu resolusi pemikiran telah dialami oleh beliau sejak usia muda lagi. Hal ini berlaku setelah beliau mula tertarik dengan sastera-sastera Perancis. Beliau berpendapat bahawa sastera merupakan pintu gerbang yang mampu menjadi alat pencerahan kepada perkembangan pemikiran manusia. Ketika beliau mula meneliti dan kagum dengan karya-karya seperti Abbas Mahmud Aqqad (Allah), Taha Husein (*Ala Hamis al-Sirah, Al-Fitnah Al-Kubra*), Husein Haikal (*Fi Manzil al-Wahyu al-Hayat Muhammad*), Nuzma Liqa' dan Khalid Muhammad Khalid (*Mun Huna Nabda', Haza al-Tufan, Al-Mufafinun la Ri'ayah, al-Dimokratiyah Abadan*) ianya telah membuka daya inspirasi pemikiran rasional yang kuat terhadap keinterlektualannya (Nasr Hamid Abu Zaid, 2003).

Dengan penelitiannya terhadap karya Khalid Muhammad Khalid sebagai contoh, beliau merasa telah berkonfrontasi secara interlektual dengan Syeikh Muhammad al-Ghazali iaitu seorang ilmuan yang dikenali sebagai representasi pemikir konservatif Mesir pada waktu itu. Kehadiran Abu Zaid di tengah-tengah kumpulan intelektual muslim pada waktu itu telah mengundang pelbagai kontroversi dalam soal usul akidah.

Didapati bahawa buku-buku karya beliau sering dikaji secara kritis oleh para intelektual dalam menganalisis tulisan beliau yang agak kontroversi. Ini sesuai dengan posisi kecerdasan daya keintelektualan kritis dan keberanian serta rasa tanggungjawab terhadap apa yang dilontarkan melalui tulisannya seperti konsep *asbab al-Nuzul* yang secara terang-terangan mengkritik karya tradisi yang telah dilakukan oleh ulama terdahulu walaupun beliau dikecam hebat oleh sebahagian besar ulama masa kini.

Beliau pernah berkata, “Saya tetap konsisten atas hasil penelitian-penelitian yang saya lakukan sehingga saya dapat membuktikan bahawa hasil tulisan tersebut adalah keliru”.

Pemurtadan terhadap beliau berlaku selepas beliau memohon kenaikan pangkat melalui karya-karyanya. Setelah karya-karya tersebut diteliti dan dinilai oleh salah seorang dari panel penilai iaitu Syeikh Shahin seorang pensyarah di Fakulti Darul Ulum dan imam tetap di Masjid Amr b. al-As, mereka berdua mengecam karya-karyanya kerana dianggap bercanggah dengan Islam. Perdebatan tersebut bukan hanya dalam universiti bahkan telah merebak ke luar kampus. Para penyokong panel penilai membawa kes tersebut ke mahkamah bagi tuntutan cerai ke atas isterinya dengan alasan Abu Zaid telah murtad. Akibatnya, Mahkamah al-Isti'naf Kaherah menyatakan Abu Zaid telah keluar dari Islam dan perkawinannya terbatal dengan isterinya Dr. Ibtehal Yunus. Ulama al-Azhar yang dianggotai 2000 alim ulama, meminta pemerintah menandatangani yang menyatakan Abu Zaid mesti disuruh bertaubat atau berdepan dengan hukuman mati jika enggan bertaubat. Pada 23 Julai 1995, beliau melarikan diri bersama isterinya ke Madrid, Sepanyol, kemudian menetap di Leiden, Belanda dan menjadi pensyarah di sana (Nasr Hamid Abu Zaid, 2003). Di samping itu juga beliau aktif sebagai professor di Universiti Humanistic di Uterecth dan menjadi penyelia kepada beberapa orang mahasiswa yang sedang menulis disertasi tentang penafsiran dalam Islam di beberapa buah universiti di Eropah seperti Jerman dan Perancis (Hakim Taufik & M Aunul Abied Syah, 2001).

2.1 Karya-karya Abu Zaid (Hakim Taufik & M Aunul Abied Syah, 2001)

Antara karya-karya beliau yang masyhur ialah *Maqhum al-Nas: Dirāsah fī Ulum al-Quran, Falsafah al-Ta'wil 'inda Muhyi al-Din Ibn 'Arabi, Al-Imam al-Shafi'i wa Tashih al-Ideologi al-Wasatiyyah, Ishkaliyat al-Qira'at wa 'Aliyyat al-Ta'wil, Al-Nas, al-Sultah, al-Haqiqah, Al-Turath bayna al-Istikhdam al-Naf'i wa al-Qira'at al-'Ilmiyyah, Maqhum al-Nas fī al-Ulum al-Diniyyah, Al-Murakkabat al-Majaziyyah*.

3.0 Sejarah Hermeunatik

Hermeneutika berkembang dari mitologi Yunani (Hermes) yang dikenal sebagai dewa bertugas memberikan pesan pada manusia dan merupakan bahasa yang digunakan oleh manusia. Ia dapat diterjemahkan dalam konteks bahasa lisan ataupun tulisan. Hermeneutik hermes adalah ilmu atau seni yang mentafsirkan pesanan dalam bentuk teks atau bahasa sesuai dengan nilai-nilai pesanan yang ingin disampaikan (Ratna, 2012). Terdapat tiga keadaan kemunculan hermeneutik yang digunakan sebagai ilmu atau interpertasi iaitu

pertama keadaan sosial masyarakat yang dicengkam oleh pemikiran Yunani, kedua keadaan sosial penganut Yahudi dan kristian yang menghadapi masalah teks kitab “suci” agama mereka dan mencari interpertasi yang sesuai dengan mereka. Eropah pada zaman pencerahan ingin menghapus metode ini dari konteks agama kerana di anggap metode yang menjarakkan dari tradisi autoriti agama dan ingin keluar dari metode ini (Hamid, 2006).

Hakikatnya hermeneutik telah berkembang dalam gereja yang dikenali sebagai gerakan eksegetis atau penafsiran teks-teks agama dan falsafah interpertasi sebagai kehidupan sosial. Semenjak munculnya hermeneutik ini ia telah membawa masalah besar kepada gereja dan susulan daripada itu muncul satu kumpulan reformasi menolak penafsiran al-Kitab berdasarkan metode ini. Menurut Martin Luther (1483-1546 M) gereja tiada hak menentukan makna kitab suci yang menjadi sumber terakhir penganut Kristian. Penolakan pentafsiran ini kerana ia di anggap sebagai hak mutlak monopoli pihak gereja terhadap pentafsiran kitab mereka (Eliade, 1987) secara sesukahati tanpa kawalan.

Manakala bagi Abu Zaid, hermes yang dimaksudkan adalah Nabi Idris a.s yang disebut dalam al-Quran, kerana banyak cerita bahawa Nabi Idris a.s adalah seorang penenun. Tukang tenun diinterpretasikan sebagai mitologi Yunani tentang peranan dewa Hermes dan kemudian daripada itu hermeneutik telah berkembang menjadi tranformasi metode ini sebagai pemahaman disiplin falsafah kerana disebabkan oleh cara berfikir masyarakat moden dengan rasional. Ketua hermeneutika adalah Friedrich Ernst yang beranggapan bahawa teks-teks agama harus diperlakukan sama dengan teks yang ditulis manusia. Hal ini kerana ia menganggap bahawa perubahan cara berfikir orang moden dari sumber rasional, akal menjadi kayu ukur kebenaran dan menolak metafizik yang tidak boleh difahami oleh akal (Hamid, 2006).

Menurut Josef Bleicher, metode hermeneutika mempunyai pedekatan teori hermeneutika, filsafat yang terakhir dan hermeneutika kritis. Teori ini lebih berfokus kepada metodeologi keilmuan manusia, falsafah lebih fokus kepada kajian mencari ontologi dalam memahami dari proses pentafsiran, hermeneutika sebagai kritis lebih fokus pada membuka ruang dialektika deviasi dan distorsi dalam konteks bahasa dalam komunikasi (Josef, 1980).

3.1 Makna Hermeneutik

Dalam buku The New Encyclopedia Britannica, hermeneutika adalah kajian tentang prinsip-prinsip umum dalam interpretasi Bible (*hermeneutics is the study of the general principal of biblical interpretation*). Tujuan dari hermeneutik adalah untuk menemukan kebenaran dan nilai-nilai dalam Bible. Dalam sejarah interpretasi Bible, ada empat prinsip utama interpretasi Bible, iaitu:

Pertama: interpretasi literal iaitu pengertian berdasarkan atas penuturan teks yang ada secara tepat. Maksudnya teks itu tidak boleh dikurangkan hanya kepada makna literalnya sahaja. Mengikut ajaran Aquinas, kita harus berpegang bahawa, setiap pengertian (Kitab Suci) berpunca pada pengertian *harafiah*. Oleh yang demikian, ketika membaca Kitab Suci, kita harus memahami akan erti kata-kata yang dimaksud secara *harafiah* yang ingin disampaikan oleh pengarangnya, kemudian kita boleh melihat jika ada maksud rohani yang lain. Kedua, interpretasi moral: moral adalah erti yang memacu kepada perbuatan yang baik yang ingin disampaikan melalui kejadian-kejadian dalam al-Kitab. Ketiga, interpretasi alegoris adalah erti yang lebih mendalam yang diperolehi dari suatu kejadian. Ia menghubungkan peristiwa tersebut dengan Kristus seperti penyeberangan bangsa Israel melintasi Laut Merah yang merupakan tanda kemenangan yang diperolehi umat beriman melalui proses pembaptisan. Keempat; interpretasi anagogis iaitu yang merujuk kepada syurga sebagai 'tanah air abadi'. Contohnya gereja di dunia yang melambangkan Jerusalem Syurgawi. Daripada kesemua ini, yang menjadi arus utama sejak awal sejarah Kristian adalah model literal (model Antioch) dan model alegoris (model Alexandria) (Husaini, Adian, 2005).

Keempat-empat model interpretasi Bible tersebut dipraktikkan sejak awal sejarah Kristian (abad ke-4 M), dengan tokohnya Saint Jerome, hingga berakhirnya abad pertengahan (abad ke-16 M) dengan tokohnya Marthin Luther. Pada masa moden, hermeneutik dipelopori oleh Friedrich Schleiermacher (1768-1834). Tokoh teologi Protestan ini dikenal sebagai bapa hermeneutik moden yang pertama kali berusaha membakukan hermeneutika sebagai metode umum interpretasi yang tidak terbatas pada interpretasi kitab suci atau kitab sastra. Kemudian Dilthey (1911) menerapkannya sebagai metode sejarah, lalu Hans-Georg Gadamer mengembangkannya menjadi 'falsafah', Paul Ricoeur menjadikannya sebagai 'metodee penafsiran fenomenologis-komprehensif. Selain itu para ahli falsafah seperti Jurgen Habermas, Jacques Derrida, dan Michael Foucault, mengembangkan se bentuk "kritik hermeneutik", iaitu analisis atas proses pemahaman manusia yang sering terjebak dalam otoritarianisme, khususnya kerana bercampurnya determinasi sosial-budaya-psikologis dalam kegiatan memahami sesuatu.

Namun dalam bukunya Hermeneutika Al-Quran, beliau menyebut tiga jenis hermeneutika. Pertama, hermeneutika sebagai cara untuk memahami. Contoh tokohnya adalah Schleiermacher, Dilthey, dan Emilio Betti. Kedua, hermeneutika sebagai cara untuk memahami suatu pemahaman. Tokohnya semisal Heidegger (w. 1976) dan Gadamer. Ketiga, hermeneutika sebagai cara untuk mengkritisi pemahaman. Tokohnya seperti Jacques Derrida, Habermas, dan Foucault (Faiz, Fahrudin, 2005).

Hermeneutik, menurut Ahmad Bazlie Syafie yang menukilkan pendapat Palmer, boleh dikategorikan kepada tiga rumpun utama:-

- (i) Hermeneutik yang bersifat khusus (Regional hermeneutics), iaitu yang berkait dengan penghuraian tentang teks-teks Bible, sastera dan undang-undang.
- (ii) Hemerneutik umum (General Hermeneutics) yang berkait rapat dengan perbincangan tentang kaedah umum dalam penghuraian sesuatu teks.
- (iii) Hermeneutik falsafah (Philosophical Hermeneutics) yang berkait rapat dengan permasalahan tentang bagaimana terhasilnya kefahaman dan makna.

Oleh kerana skop hermeneutik yang sentiasa berkembang, maka perbincangan tentang skop itu akan melibatkan perbincangan tentang sejarah perkembangannya pada tiga peringkat utama, iaitu :-

- (i) Teori dan falsafah hermeneutik Greek.
- (ii) Teori hermeneutik Yahudi dan Kristian (Biblical hermeneutics).
- (iii) Perkembangan hermeneutik dalam falsafah. (Ahmad Bazli Shafie)

3.2 Hermeneutik Menurut Istilah

Istilah Hermeneutik berasal dari perkataan Yunani hermeneutikos. Aristotle boleh dikatakan orang pertama yang memperkenalkan istilah ini dalam bukunya *Peri Hemenias* (On The Interpretation) yang kemudian dibawa oleh al-Farabi ke dunia Islam dengan terjemahan *Fi al-Ibarah*. Pada asalnya istilah ini digunakan dalam satu bidang kajian untuk merumuskan kaedah dan aturan dalam mentafsirkan Bible. Dengan kaedah hermeneutika seorang pembaca boleh memahami sebuah wacana dengan sebaik mungkin bahkan lebih baik daripada penulisnya (Khalif Muammar, 2006).

Friedrich Daniel Ernest Schleiermacher (1768-1834) memandang hermeneutik sebagai "keahlian memahami". Dia memberikan perhatian khusus pada pemahaman yang keliru, dan karena itulah dia mengatakan bahwa interpretasi teks senantiasa mengandung bahaya kesalahfahaman. Dengan demikian, hermeneutik harus diletakkan sebagai sebuah metodeologi yang memberikan penjelasan dan pengajaran untuk menghilangkan bahaya kesalahfahaman di atas. Tanpa adanya keahlian seperti ini, maka tidak akan pernah ditemukan solusi untuk menuju ke sebuah pemahaman yang benar (Khalif Muammar, 2006).

Apabila metode hermeneutik ini mengarahkan kepada kitab suci al-Quran, Abu Zaid berpendapat bahawa untuk memahami al-Quran sebagai nas, maka ianya tidak dapat dipisahkan dari peradaban bangsa Arab sebagaimana yang termaktub dalam karyanya *Mafhum al-Nash*.

3.3 *Hermeneutik Abu Zaid Terhadap Al-Quran (H Saifullah SA MA, 2006)*

Nasr Hamid Abu Zaid terkenal sebagai salah seorang sarjana arab Islam baik di dunia Arab mahupun di Barat. Kesarjanaannya dan kepakaran beliau mendapat sanjungan serata dunia terutama dunia barat kerana keupayaan beliau dalam memperkenalkan pendekatan hermeneutiknya terhadap al-Quran. Sebagai seorang sarjana yang hebat, beliau telah menghasilkan banyak karya dalam bidang pengajian Islam tetapi karyanya *Ma'fhum al-Nas Dirasat fi Ulum al-Qur'an* sangat memberi impak yang besar dalam menterjemahkan kepakarannya mengenai teori pentafsiran al-Quran yang menggunakan hermeneutik moden (Kermani: 1996).

Hal ini jelas di mana beliau percaya bahawa metodee terbaik dalam tafsir al-Quran adalah dengan menggunakan metodee hermeneutik (Rahman Yusof: 2001). Terdapat kajian yang dilakukan hanya melihat kepada metodee hermeneutik yang diperkenalkan Abu Zaid dalam mentafsirkan al-Quran seperti kajian oleh Charles Hirschkind (1995), Navid Kermani (1996), Moch Nur Ichwan (1999), Yusuf Rahman (2001), Sukidi (2009). Kajian tersebut mengesahkan tentang metodee yang Abu Zaid telah gunakan dan kesemua kajian menyokong tindakan Abu Zaid. Manakala kajian Muhibudin (2013) membuktikan bahawa teori yang digunakan Abu Zaid adalah berasal daripada teori Bible manakala kajian Tengku Intan (2013) membuktikan ada elemen hermeneutik dalam beberapa isu ulum al-Quran.

Hermeneutik, sebagaimana disebut di atas, pada dasarnya merupakan suatu metodee penafsiran yang berpaksi kepada analisis bahasa dan kemudian melangkah ke analisis konteks, untuk kemudian "menarik" makna yang didapati ke dalam ruang dan waktu saat proses pemahaman dan pentafsiran tersebut dilakukan. Jika pendekatan hermeneutika ini dipertemukan dengan kajian al-Quran, maka persoalan dan tema asas yang dihadapi adalah bagaimana teks Al-Qur'an hadir di tengah masyarakat, dan kemudiannya difahami, ditafsirkan, diterjemahkan dan didialogkan dengan dinamika realiti sejarahnya.

Sebagaimana yang telah dibincangkan bahawa pandangan Abu Zaid tentang hermeneutik terhadap al-Quran adalah jelas sebagaimana berikut:

1. Al-Quran adalah produk budaya, terbentuk dan tersusun dalam realiti dan budaya selama proses penurunannya. Dalam masa yang sama juga al-Quran merupakan pencetus budaya yang menjadi rujukan bagi teks yang lain.
2. Teks al-Quran semenjak awal diturunkan dan dibaca oleh nabi s.a.w berubah dari teks Ilahi kepada teks manusiawi dan ia berubah dari *tanzil* kepada *ta'wil*.
3. Menganjurkan kepada umat Islam agar berlepas diri dari ikatan, kongkongan atau kekuatan teks. Maknanya umat Islam mestilah melepaskan

diri dari belenggu kebergantungan terhadap nas yang penuh dengan muatan ideologi, situasi, keadaan, ruang dan waktu. Umat Islam mestilah membebaskan diri dari sebarang ikatan tafsiran dan takwilan yang dipelopori oleh ulama terdahulu.

4. Kitab-kitab tafsir yang ditafsirkan oleh ulama terdahulu selalunya bersifat subjektif. Oleh itu metode hermeneutik diperlukan sebagai sebuah metode interpretasi dalam memahami kandungan wahyu agar ketetapan pemahaman dan ketetapan penafsiran dapat dicapai.

5. Menggunakan metode linguistik, semiotik dan hermeonetik dalam menganalisis wacana al-Quran. Menurut metode ini, metode agama merupakan teks bahasa sebagaimana layaknya teks bahasa yang ada pada sistem kebudayaan. Walaupun al-Quran berasal dari Ilahi tetapi tidak bermakna ia mesti memiliki metode khusus sesuai dengan realiti ketuhanan dalam pengkajiannya. Al-Quran diturunkan dalam konteks dialog dengan menggunakan bahasa yang ditujukan bagi manusia dalam situasi kebudayaan mereka. Secara jelasnya nilai historitis muncul jika berkaitan dengan konteks dan horizon waktu yang ada.

6. Dalam mengaplikasikan metode ini Abu Zaid memposisikan al-Quran sama tarafnya dengan teks-teks lain ciptaan manusia. Oleh itu ianya terbuka untuk dikaji, dikritik dan dianalisis hingga sampai ke tahap perlu diubah hingga boleh dianggap tepat dengan metodenya. Al-Quran adalah sebuah teks yang penuh dengan kesusteraan, maka untuk memahaminya adalah dengan metode sastera semantik.

3.4 *Kritikan Terhadap Metod Hermeneutik*

Metod ini jelas mesti ditolak kerana beberapa kelemahan ketara antaranya:

1- Al-Attas dengan tegas menjelaskan tentang keutamaan dan kelebihan tafsir sebagai satu kaedah saintifik yang dikenali dalam sejarah Islam. Ia tidak dicemari sebagaimana kaedah hermeneutik dalam tradisi agama Kristian mahupun Yunani. Menurut al-Attas, tafsir adalah pentafsiran yang berdasarkan kepada ilmu-ilmu yang pasti. Disamping menggunakan al-Quran dan hadis tafsir juga berdasarkan kepada simbol-simbol linguistik dan pemaknaan yang bersandarkan kepada pendekatan konteks semantik (Khalif Muammar, 2006). Oleh itu metod hermeneutik tidak sesuai digunakan kepada al-Quran dan sesuai digunakan terhadap Bible yang sudah banyak hilang keaslian kandungannya.

2- Gagasan hermeneutik merupakan framework Islam Liberal yang diangkat dari landasan berfikir bahawa perlunya dekonstruksi atau pembongkaran atas penafsiran Islam. Dikonstruksi berhasrat untuk menyahsakralisasi dan

menyahmitologisasi pentafsiran Islam bahkan al-Quran itu sendiri yang dikatakan dimonopoli oleh golongan ulama (Khalif Muammar, 2006).

3- Al-Quran secara jelas ditentang dan menentang budaya Arab Jahiliyah pada waktu itu. Sebagai contoh al-Quran mengharamkan minum arak dikalangan masyarakat Arab maka bagaimana al-Quran merupakan produk budaya bahkan al-Quran bertindak mengubah corak budaya jahiliyah yang menebal dikalangan orang-orang Arab (H Saifullah SA MA, 2006). Maka bagaimana boleh dikatakan al-Quran itu merupakan sebuah teks produk budaya.

4- Abu Zaid sendiri mengabaikan konteks yang terjadi dalam kebudayaan itu sendiri. Kebudayaan adalah istilah abstrak yang tidak layak menjadi pembentuk. Rasulullah tidak dibentuk oleh budaya Arab Jahiliyah. Oleh itu kebudayaan yang berjaya diubah oleh Rasulullah ialah hasil dari produk al-Quran. Teks primer dalam kontek dunia keinterlektualan Islam adalah al-Quran sebagai teks memaparkan peristiwa pertama dalam satu rangkaian teks yang menumpuk di sekitarnya (Admin Armas, Kritik Terhadap Teori Al-Quran Abu Zayd).

5- Pendekatan dikotomis yang digunakan oleh Abu Zaid merupakan kesan daripada cara berfikir sekular yang telah sebatikan dalam dirinya. Beliau telah terjebak dalam kancap dikotomi dan mengajak manusia khususnya umat Islam agar menerima pemikiran dikotomis ini. Dikotomi tidak dikenali dalam tradisi Islam iaitu mengasingkan antara tekstual dengan kontekstual. Para ilmuan tafsir tidak melihat al-Quran sebagai teks yang mati sehingga mesti diikuti secara harfiah tanpa melihat kepada konteks, asbab nuzul dan maqasidnya.

6- Umar Abdullah Kamil menyatakan bahawa Abu Zaid telah terpengaruh dengan Muktazilah kerana menganggap bahawa al-Quran *Tasyakkala* (terbentuk). Dengan kata lain al-Quran adalah makhluk yang baharu sedangkan menurut literature kajian teologi yang kukuh pandangan seperti ini sudah lama ditolak kerana tidak bersandarkan kepada bukti yang kuat (Hakim Taufik & M Aunul Abied Syah, 2001).

7- Hakikatnya teori yang dikemukakan oleh Abu Zaid adalah sangat merbahaya kerana secara automatik al-Quran bukan lagi sebagai penyuluh hidup manusia. Keagungan dan kesucian al-Quran boleh dipertikaikan jika keadaan memerlukan dan kesepakatan al-Quran dari segi lafaz dan maknanya adalah autentik dari Allah s.w.t kini tidak lagi sesuai yang perlu diberi nafas baharu. Ilmuan selain ulama' seperti ahli sosiologi, anthropologi, psikologi orientalis dan saintis-saintis barat bebas dan terbuka mentafsirkan al-Quran (Khalif Muammar, 2006).

8- Hermeneutik Semakin Mengukuhkan Sekularisme.

Dalam praktiknya untuk menafsirkan Al-Qur'an, hermeneutik jelas menguatkan sesuatu yang sewajibnya ditolak oleh umat Islam, iaitu hegemoni sekularisme-liberalisme di Dunia Islam. Sebagai contoh, draft CLD KHI (Counter Legal Draft Kompilasi Hukum Islam) yang digasaskan oleh Siti Musdah Mulia. Draft tersebut telah melahirkan beberapa bab yang amat berbahaya dan kontroversi. Contohnya, mengharamkan poligami, menyamakan pembahagian harta pusaka laki-laki dan perempuan, menghalalkan kahwin kontrak, menghalalkan perkawinan antara agama secara bebas, dan sebagainya.

Fasal-fasal tidak bertanggungjawab ini lahir kerana metodologi yang digunakan untuk memahami Al-Qur'an adalah hermeneutik. Melalui kaedah hermeneutik, ayat-ayat Al-Qur'an ditundukkan pada sejumlah prinsip yang sekaligus merupakan pokok-pokok idea sekularisme. Menurut para penggagas CLD KHI, sejumlah idea yang menjadi paradigma draft itu adalah (1) kesamaan gender, (2) pluralisme, (3) hak asasi manusia, dan (4) demokrasi

Di sini jelaslah pola kerja hermeneutik dalam mempraktikkan ayat dan dengan ideologi Barat pada sudut lain. Al-Qur'an di satu sudut Modus operandi hermeneutika tidak lain dan tidak bukan adalah menyesuaikan al-Qur'an dengan ideologi Barat, atau praktik ideologi Barat dalam realiti acuan menyesuaikan Al-Qur'an dengan ideologi Barat, atau praktik ideologi Barat barat. Implikasinya, Al-Qur'an sekadar 'makmum', sementara 'imamnya' adalah ideologi kapitalisme-sekular. Apa pun gerakan dan doa imam, makmum wajib mengikutinya tanpa menegurnya apalagi mendahuluinya. Inilah bentuk "solat jemaah" yang bid'ah dholalah dan munkar yang menjadi pola kerja khas hermeneutik tajaan barat. Kemungkaran keji inilah yang sering mereka sebut sebagai "kontekstualisasi Al-Qur'an" untuk menyesatkan umat Islam (Husaini, Adian, 2005).

Hasil akhir dari aplikasi hermeneutik terhadap Al-Qur'an tentu saja bukan untuk kepentingan umat Islam apalagi untuk meninggikan agama Islam. Tetapi lebih kepada menyesatkan serta menghancurkan agama Islam, dan mengukuhkan dominasi sekularisme di Dunia Islam. Oleh yang demikian Penerapan metodologi hermeneutika untuk Al-Qur'an harus ditolak, kerana hermeneutik berasal dari pandangan hidup kufur, tidak sesuai untuk menafsirkan.

4. Kesimpulan

Umat Islam wajib berwaspada, kerana orang-orang yang mempropagandakan dan mengedarkan idea-idea rosak ini bukan saja dari orang kafir, bahkan lahir

dikalangan umat Islam sendiri yang lebih terpesona dengan teori-teori yang dikembangkan oleh barat sebagaimana Sabda Nabi SAW, "Sungguh kamu akan mengikuti jalan-jalan [hidup] orang-orang sebelum kamu, sejengkal demi sejengkal sehasta demi sehasta, hingga kalau mereka masuk ke lubang biawak sekalipun (hujra dhab), kamu akan mengikuti mereka." Sahabat bertanya, "Apakah mereka itu orang Yahudi dan Nasrani?" Nabi SAW menjawab, "Siapa lagi?" (HR Bukhari dan Muslim).

Rujukan

- Adian Husaini, (2005), *Wajah Peradaban Barat dari Dominasi Kristen ke Dominasi Sekular-Liberal*, (Jakarta: Gema Insani Press)
- Admin Armas, Kritik Terhadap Teori Al-Quran Abu Zayd, <http://www.Islamlib.com/id>
- Ahmad Bazli Shafie, Pendekatan Neo-Modenis Dalam Memahami Al-Quran: Kaedah Hermeneutik Fazlur Rahman, Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia, (KUSTEM).
- Hakim Taufik Dan M Aunul Abied Syah, (2001), Nashir Hamid abu Zayd: Reenterpretasi Pemahaman Teks Al-Quran, Pustaka Mizan , Bandung. Jakarta,
- Hamilton, E (2011), *Mythology: Timeless Tales Of God And Hereos*, New York, Back Bay Books.
- H Saifullah SA MA. (2006). Nashr Hamid Abu Zayd Reinterpretasi Pemahaman Teks Al-Quran, JAIN Imam Bonjol Padang Sumatera Barat Indonesia
- Husaini, Adian. (2005), *Wajah Peradaban Barat dari Dominasi Kristen ke Dominasi Sekular-Liberal*, Jakarta: Gema Insani Press
- Faiz, Fahrudin, (2005) *Hermeneutika al-Qur'an Tema-Tema Kontroversial*, Yogyakarta: elSAQ Press, Indonesia.
- Khalif Muammar, (2006), *Atas Nama Kebenaran Tanggapan Kritus Terhadap Wacana Islam Liberal, Akademik Kajian Ketamadunan*, Kompleks Dar al-Hikmah, Kajang Selangor.
- Nasr Hamid Abu Zaid, (2003), *Menalar Firman Tuhan*, terj. Hamka Hasan, Karya Asli Al-Ittijah Al-Akli Fi al-Tafsir, Bandung, Indonesia.
- Abu Zayd, Nasr Hamid (2000a) *Maḥmūd al-Nass: Dirāsahfī 'Ulūm al-Qur'ān*. Cairo: al-Markaz al-Saqafi al-'Arabi.
- Triatmoko, Bambang, "Hermeneutika Fenomenologis Paul Ricoeur", dalam Tim Redaksi Driyarkara (Ed), *Hakikat Pengetahuan dan Cara Kerja Ilmu-Ilmu*, 1993, PT Gramedia Pustaka Utama, Jakarta.